

**LAPORAN SOAL SELIDIK
PERKHIDMATAN PUSAT ALUMNI DAN KERJAYA
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**

Oleh:

Mohd Asri Hj Husain, Nurliyana Mohamed Razali,
Saffa Nasuha Abd Hamid, Siti Sofiah Sah Hit, dan Mohammad Syafiq Rosli
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

1.0 PENGENALAN

Pusat Alumni dan Kerjaya adalah satu Pusat Tanggungjawab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pusat ini ditubuhkan pada 1 Januari 2017 dan di bawah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

Pusat Alumni dan Kerjaya berperanan sebagai penghubung di antara alma mater (USIM), para alumni dan Persatuan Alumni USIM. Pusat ini juga, memainkan peranan penting dalam membantu mendapatkan sokongan daripada Alumni Universiti dalam pelbagai bentuk sama ada kewangan, kepakaran, perkongsian ilmu atau sebagainya. Selain itu, Pusat ini, penting bagi menjana sumbangan dalam bentuk intelektual dan fizikal daripada para alumni yang telah berada di sektor pekerjaan berbeza kepada universiti untuk meningkatkan mutu pembangunan pelajar.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 2.1 Untuk mendapatkan maklumbalas daripada pemegang taruh seperti alumni, pelajar dan rakan industri mengenai mutu perkhidmatan Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM pada tahun 2019.
- 2.2 Bagi melihat perkara yang boleh diperbaiki bagi meningkatkan mutu perkhidmatan cadangan daripada pemegang taruh ini.
- 2.3 Untuk melihat peluang pada masa hadapan yang boleh dibuat oleh Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM

3.0 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini melibatkan Pelajar/Mahasiswa, Alumni, Rakan Industri, Staf dan lain-lain.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, metodologi adalah asas panduan yang menjadi pegangan kepada pengkaji bagi menjalankan penyelidikan terutamanya dalam menerangkan kaedah-kaedah yang bakal digunakan untuk mendapatkan data-data sama ada daripada sumber primer atau sekunder dalaman. Teknik yang digunakan bagi mengumpulkan data untuk kajian ini ialah melalui analisa kaji selidik daripada responden.

5.0 HASIL KAJIAN

5.1 Bahagian A- Demografi Responden

- 5.1.1 Jantina (Guna Graf Bulat)
- 5.1.2 Umur (Guna Graf Bar)
- 5.1.3 Kategori Pemegang Taruh (guna Graf Bar)

5.2 Bahagian B- Penilaian Perkhidmatan (Salinan semula soalan penuh di bawah)

- 5.2.1 Program Pusat Alumni dan Kerjaya bersesuaian dengan objektif penubuhannya.(Guna Carta Pie)
- 5.2.2 Pelaksanaan Program Pusat Alumni dan Kerjaya (Guna Jadual sahaja-Bil responden & Peratusan)
- 5.2.3 Program untuk Alumni (Guna Graf Bar)
- 5.2.4 Program bertemu Alumni (Guna Graf Bar)
- 5.2.5 Program GE (Guna Carta Pie)
- 5.2.6 Program GE penting (Guna Carta Pie)
- 5.2.7 Program GE diteruskan pada masa akan datang (Guna Jadual sahaja-Bil responden & Peratusan)
- 5.2.8 Hari Kerjaya (Guna Graf Bar)
- 5.2.9 Program dengan Rakan Industri (Guna Carta Pie)
- 5.2.10 Rakan industri bantu program (Guna Jadual sahaja-Bil responden & Peratusan)

5.2.11 Pusat Alumni meneruskan program (Guna Carta Bar)

5.3 Bahagian C- Cadangan Penambahbaikan ((Salinan semula soalan penuh di bawah)

5.3.1 Buletin (Guna Carta Pie)

5.3.2 Program Kebajikan (Guna Graf Bar)

5.3.3 Bantuan Kebajikan Insentif Kewangan (Guna Graf Bar)

5.3.4 Usahawan Alumni (Guna Carta Pie)

5.3.5 Saya bersedia memberi sumbangan
(Guna Jadual sahaja-Bil responden & Peratusan)

5.3.6 Tabung GE (Guna Carta Pie)

5.3.7 Program GE dan Rakan Industri (Guna Carta Pie)

5.3.8 Staf Tambahan (Guna Graf Bar)

5.3.9 Pusat Alumni boleh bantu(Guna Carta Pie)


6.0 ANALISA KAJIAN

6.1 Bahagian A - Demografi Responden

6.1.1 Tinjauan yang dilaksanakan oleh Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM adalah bagi melihat maklumbalas pemegang taruh mengenai mutu perkhidmatan pada tahun 2019. Seramai 461 responden telah memberikan maklumbalas bagi tinjauan ini iaitu sebanyak 176 orang responden lelaki dan 285 dari responden wanita. Manakala dari segi umur responden pula sebanyak 69.80% (322 orang) terdiri daripada responden berumur bawah 30 tahun. Responden yang berumur di antara 30-35 tahun adalah sebanyak 16.50% (76 orang). Manakala 39 orang (8.51%) adalah responden yang berumur 36- 40 tahun. Baki responden sebanyak 24 orang (5.24%) adalah berumur lebih dari 40 tahun ke atas.

6.1.2 Kategori responden pula dapat dibahagikan kepada empat bahagian iaitu kategori Alumni seramai 290 orang (62.90%); pelajar 88 orang (19.10%); rakan industri 61 orang (13.2%); dan kategori lain-lain seperti kakitangan Universiti, pembekal dan sebagainya adalah 22 orang (4.77%). Ini ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1.0: KATEGORI PEMEGANG TARUH



6.2 Bahagian B - Penilaian Perkhidmatan Pusat Alumni dan Kerjaya

6.2.1 Penilaian perkhidmatan Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM bagi tahun 2019 adalah merangkumni aspek berikut:


- i. Program Pusat Alumni dan Kerjaya USIM pada tahun 2019 bersesuaian dengan objektif penubuhannya
- ii. Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM telah melaksanakan program dengan jayanya
- iii. Program berkaitan dengan Alumni yang dianjurkan oleh Pusat Alumni dan Kerjaya pada tahun 2019 amat baik untuk Alumni
- iv. Program bertemu dengan Alumni USIM perlu dibuat secara berterusan
- v. Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM perlu meneruskan program Majlis Makan Malam, Majlis Minum Petang, Majlis Jamuan Hari Raya dan sebagainya untuk alumni USIM

- vi. Program Kebolehpasaran Graduan (GE) anjuran Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM banyak membantu graduan USIM 2019
- vii. Program Kebolehpasaran Graduan (GE) penting bagi graduan USIM
- viii. Program Kebolehpasaran Graduan (GE) anjuran Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM perlu diteruskan lagi pada masa akan datang
- ix. Hari Kerjaya USIM anjuran Pusat Alumni dan Kerjaya membantu memberikan pendedahan kerjaya kepada graduan dan pelajar USIM
- x. Program anjuran Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM dapat membantu merapatkan hubungan dengan rakan Industri
- xi. Rakan Industri amat penting dalam membantu program anjuran Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM pada 2019

6.2.2 Penilaian Program Pusat Alumni dan Kerjaya 2019 keseluruhannya

- i. Sebanyak 65.29% (301) responden telah bersetuju dan 20.39 % (94) menyatakan amat bersetuju bahawa, program yang dianjurkan oleh Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM pada tahun 2019 bersesuaian dengan objektif penubuhannya. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 85.68% menyatakan secara positif perkara ini berbanding dengan yang amat tidak bersetuju sebanyak 0.21% (1) dan 0.86% yang tidak bersetuju. Manakala hanya 13.2% (61) yang menyatakan tidak pasti.


4. Program Pusat Alumni dan Kerjaya USIM pada tahun 2019 bersesuaian dengan objektif penubuhannya



- ii. Ini selari juga dengan dapatan maklumbalas daripada responden iaitu seramai 298 (64.64%) bersetuju dan 18.87% (87) amat bersetuju bahawa Pusat Alumni dan Kerjaya telah melaksanakan program dengan jayanya. Ia bermakna seramai 385 (83.51%) menyatakan sokongan kejayaan anjuran program Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM pada tahun 2019. Jika dibandingkan dengan responden yang tidak pasti sebanyak 67 orang (14.53%); tidak setuju 8 orang (1.73%) dan amat tidak bersetuju 1 orang (0.21%).

6.2.3 Penilaian Program Alumni

- i. Seramai 268 (58.1%) responden bersetuju dan 118 responden (25.59%) amat bersetuju program berkaitan dengan alumni dilaksanakan dengan baiknya. Manakala 70 responden (15.18%) tidak pasti; 4 (0.86%) responden tidak bersetuju; dan 1 (0.21%) responden amat tidak bersetuju.




- ii. Seramai 278 (60.30%) responden bersetuju dan 118 (25.59 %) responden amat bersetuju agar Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM perlu meneruskan program Majlis Makan Malam, Majlis Minum Petang, Majlis Jamuan Hari Raya dan sebagainya untuk alumni USIM. Ini menunjukkan seramai 396 (85.90%) menyokong agar program ini berbanding hanya yang tidak pasti sebanyak 11.71% (54); tidak bersetuju 1.9% (9); dan amat tidak bersetuju 0.4% (2).

- iii. Tinjauan ini juga mendapati seramai 282 (61.17%) bersetuju dan 143 (31.01%) amat bersetuju agar program ini diteruskan berbanding dengan responden yang tidak pasti 32 (6.94%); tidak bersetuju 3 (0.65%); dan amat tidak bersetuju 1 (0.21%).

6.2.4 Penilaian Program Kebolehpasaran Graduan (GE)

- i. Seramai 241 (52.27%) responden bersetuju dan 120 (26.03%) lagi amat bersetuju program kebolehpasaran graduan (GE) yang dilaksanakan oleh Pusat Alumni dan Kerjaya telah banyak membantu dalam graduan dalam tahun 2019. Responden yang tidak pasti adalah seramai 95 orang (20.60%); tidak bersetuju seramai 3 orang (0.65%) ; dan amat tidak bersetuju 2 orang (0.43%).

8. Program Kebolehpasaran Graduan (GE) anjuran Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM banyak membantu graduan USIM 2019




- ii. Kajian juga mendapati sebanyak 57.70% (266) bersetuju dan 36.00% (166) amat bersetuju program kebolehpasaran graduan (GE) ini amat penting untuk graduan. Hanya 5.63% (26) responden tidak pasti; 0.43% (2) tidak bersetuju; dan 0.21% (1) amat tidak bersetuju.

- iii. Tinjauan ini juga mendapati seramai 274 (59.43%) bersetuju dan 170 (36.87%) amat bersetuju agar program kebolehpasaran graduan (GE) ini diteruskan berbanding dengan responden yang tidak pasti 15 (3.25%); tidak bersetuju 1 (0.21%); dan amat tidak bersetuju 1 (0.21%).
- iv. Manakala tinjauan berkaitan dengan Hari Kerjaya di USIM dapat memberikan pendedahan kepada bakal graduan dan pelajar pula mendapati seramai 271 (58.78%) bersetuju dan 144 (31.23%) amat bersetuju berbanding dengan responden yang tidak pasti 42 (9.11%); tidak bersetuju 3 (0.65%); dan amat tidak bersetuju 1 (0.21%).

6.2.5 Kerjasama dengan industri

- i. Seramai 286 (62.03%) responden bersetuju dan 147 (31.88%) amat bersetuju bahawa rakan industri penting bagi membantu dalam program anjuran Pusat Alumni dan Kerjaya pada tahun 2019. Manakala tidak bersetuju hanya 1 (0.21%) dan tidak pasti 27 (%).

13. Rakan Industri amat penting dalam membantu program anjuran Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM pada 2019




- ii. Maka dengan sebab itulah, tinjauan ini juga dapat melihat bahawa 61.17% (282) responden yang bersetuju dan 29.50% (136) amat bersetuju program anjuran Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM dapat merapatkan hubungan dengan pihak industri. Berbanding hanya 8.45% (39); % () dan 0.86% (4) tidak bersetuju.

6.3 BAB C- LAPORAN CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN PUSAT ALUMNI DAN KERJAYA

6.3.1 Penambahbaikkan Pengurusan

- i. Tinjauan dapat melihat bahawa 55.74% (257) responden yang bersetuju dan 24.94% (115) amat bersetuju agar Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM dapat diberikan lebih ramai lagi kakitangan untuk menyokong operasi dan program-program yang dijalankan. Berbanding hanya 18.22% (84); dan 1.08% (5) tidak bersetuju.
- ii. Manakala isu berkaitan dengan keperluan Buletin perlu disediakan oleh Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM. Responden telah memberikan maklumbalas bahawa yang bersetuju sebanyak 273 (59.21%) dan amat bersetuju 151 (32.75%). Manakala yang tidak pasti 33 (7.1%); tidak bersetuju 4 (0.86%).


15. Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM perlu ada Buletin untuk alumni mengetahui perkembangan di Universiti



6.3.2 Kebajikan Alumni


- i. Dalam kajian ini juga, seramai 276 (59.86%) responden bersetuju dan 153 (33.18%) amat bersetuju, Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM membuat penambahbaikkan mengenai kebajikan alumni pada masa akan datang. Manakala yang tidak pasti 30 (6.50%); tidak bersetuju 2 (0.43%).

16. Program Kebajikan untuk alumni USIM perlu ditambahbaik pada masa akan datang



- ii. Bagi menjaga kebajikan alumni USIM ini, responden yang bersetuju dengan insentif kewangan adalah seramai 247 (53.57%) dan yang amat bersetuju pula adalah seramai 94 (20.39%). Responden yang tidak pasti pula adalah seramai 92 (19.95%) dan tidak bersetuju 24 (5.20%) dan amat tidak bersetuju 4 (0.86%).
- iii. Dalam aspek menjaga kebajikan usahawan alumni pula, seramai 288 (62.47%) dan 78 (16.91%) bersetuju agar Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM dapat membantu mereka. Jika dibandingkan responden yang tidak pasti sebanyak 86 (18.65%); 8 (1.73%) tidak bersetuju; dan 1 (0.21%) amat tidak bersetuju

18. Usahawan Alumni perlu juga diberikan bantuan oleh Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM




6.3.3 Kerjasama Industri

- i. Seramai 286 (62.03%) responden bersetuju dan 162 (35.14%) amat bersetuju bahawa Pusat Alumni dan Kerjaya, USIM boleh membantu alumni, pelajar dan rakan industri pada masa akan datang. Jika dibandingkan responden yang tidak pasti sebanyak 10 (2.16%); 2 (0.43%) tidak bersetuju; dan 1 (0.21%) amat tidak bersetuju.
- ii. Maka dengan sebab itulah seramai 286 (62.03%) responden bersetuju dan 32.32% (149) responden amat bersetuju agar lebih ramai rakan industri dijemput dalam program kebolehpasaran graduan (GE) USIM pada masa akan datang. Hanya 5.42% (25) responden yang memberikan jawapan tidak pasti dan 0.21% (1) tidak bersetuju.
- iii. Tinjauan ini juga mendapati seramai 293 (63.55%) responden bersetuju dan 94 (20.39%) responden amat bersetuju agar ditubuhkan tabung khusus untuk membiayai program kebolehpasaran graduan (GE) di USIM. Hanya 69 responden (14.96%) responden yang memberikan jawapan tidak pasti dan 5 (1.08%) tidak bersetuju.

- iv. Responden yang bersetuju untuk menyumbang kepada USIM adalah sebanyak 311 (67.46%) dan amat bersetuju sebanyak 106 (22.99%). Manakala tidak pasti sebanyak 43 (9.32%) dan tidak bersetuju 1(0.21%).

19. Saya bersedia untuk memberikan sumbangan kepada USIM



7.0 ISU-ISU DAN CABARAN

- 7.1 Kali pertama Pusat Alumni dan Kerjaya membuat kaji selidik berkaitan dengan mutu perkhidmatan dan banyak ruang yang boleh diperbaiki
- 7.2 Bilangan responden masih tidak ramai bagi membolehkan lebih banyak data dapat dikumpulkan di kalangan Alumni.
- 7.3 Isu-isu berkaitan dengan perkhidmatan Pusat Alumni dan Kerjaya perlu diperluaskan lagi

8.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN

- 8.1 Kaji selidik perkhidmatan Pusat Alumni dan Kerjaya perlu dilaksanakan setiap tahun bagi tujuan penambahbaikan mutu perkhidmatan.
- 8.2 Soalan untuk kaji selidik ini boleh diperbaiki dan ditambah lagi pada masa akan datang agar lebih menyeluruh dan komprehensif
- 8.3 Menambahkan bilangan responden yang boleh mengisi kaji selidik ini
- 8.4 Mengenalpasti isu-isu yang bersesuaian untuk responden dapat memberikan maklumbalas dengan lebih berkesan

9.0 PENUTUP

Kajian ini diharapkan dapat membantu Pusat Alumni memperbaiki perkhidmatan pada masa akan datang berkaitan dengan pengurusan alumni, kebolehpasaran graduan (GE) dan juga pengurusan kerjaya graduan. Kaji selidik yang julung kalinya dilaksanakan ini dapat membantu Pusat Alumni dan Kerjaya bagi mengenalpasti kelemahan yang perlu diperbaiki bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pada masa akan datang.